

**NO. SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 21 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7879**

**SOALAN:**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Jabatan Imigresen gagal mengelakkan orang Suluk dan Bajau memasuki Sarawak secara haram. Berapakah anggaran orang Suluk dan Bajau yang berada di Sarawak secara haram dan berapa yang mendapat keizinan?**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mempunyai maklumat tertentu mengenai kehadiran orang Suluk dan Bajau di Sarawak melalui perkongsian maklumat pelbagai agensi yang ada seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kerajaan Tempatan dan sebagainya.**

**Kemasukan orang Suluk dan Bajau ini adalah sepertimana cara kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang lain dengan pelbagai cara asalkan mereka dapat memasuki negara ini termasuk melalui laut, yang mana mereka adalah mahir mengenainya. Menurut sumber inteligen, terdapat seramai lebih kurang 500 orang Suluk/ Bajau berada di Miri, Sarawak.**

**Satu Ops Bersepadu yang melibatkan 12 agensi seperti PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pasukan Gerakan Am (PGA), RELA, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dan sebagainya telah dilakukan pada 19 Mac 2015. Hasilnya, seramai 157 orang Suluk dan Bajau telah berjaya ditangkap.**

**Manakala satu lagi Ops Bersepadu pada 20 April 2015 pula berjaya menghasilkan tangkapan seramai 66 orang Suluk/ Bajau.**

**Pada masa yang sama, mulai Januari sehingga 8 Mei 2015, sebanyak 19 Ops Bersepadu dan 11 Ops Berkala telah dilaksanakan di Miri, Sarawak. Susulan daripada itu, Kerajaan Sarawak juga telah mengeluarkan arahan agar mereka ini diusir keluar daripada Sarawak.**

**Sebelum arahan ini dapat dilaksanakan dengan betul dan teratur, JIM telah merujuk kedudukan mereka kepada Kedutaan Filipina untuk tujuan pengeluaran dokumen mereka.**

**Selepas itu, JIM Negeri Sarawak akan menguruskan pengusiran mereka daripada Sarawak dan butiran mereka direkod serta disenaraihitamkan.**